

Rabu, 17 Julai 2019 | 8:17am



Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali. - Foto Malai Rosmah Tuah

Lelaki cuba seleweng petrol ditahan

Oleh Hazsyah Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

SANDAKAN: Tindakan seorang lelaki dipercayai cuba seleweng 500 liter petrol membawa padah apabila ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) di kawasan berhampiran jeti, Jalan Batu 2, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 pagi, lelaki warga asing berusia 36 tahun itu ditahan selepas gagal menunjukkan dokumen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang membenarkannya memiliki petrol berkenaan.

Komander PPM Wilayah 4 Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali, berkata hasil maklumat Unit Risik Marin (URM) pihaknya berjaya menahan satu van yang sarat dengan muatan petrol dipercayai cuba diseleweng.

"Ketika kejadian pemandu berada di jeti yang tidak diwartakan sedang sibuk memunggah petrol di kawasan jeti itu.

"Hasil pemeriksaan di ruang kenderaan itu terdapat 20 jerikin berisi petrol disyaki cuba diseleweng," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya lagi, lelaki dan rampasan itu dibawa ke pangkalan Markas Operasi PPM Sandakan untuk tindakan selanjutnya.

"Jumlah keseluruhan rampasan petrol adalah bernilai RM16,240.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan kawalan bekalan yang boleh membawa hukuman denda RM1 juta bagi orang perseorangan dan penjara tiga tahun jika sabit kesalahan," katanya.

